

KEINGINAN PENCAPAIAN DAN PEMBANGUNAN KEUSAHAWANAN: PERSPEKTIF ISLAM

NEED FOR ACHIEVEMENT AND ENTREPRENEURSHIP DEVELOPMENT: AN ISLAMIC PERSPECTIVE

Solahuddin Abdul Hamid¹

¹ Pusat Pengajian Bahasa, Tamadun dan Falsafah, Universiti Utara Malaysia, (Email: solah@uum.edu.my)

Article history

Received date : 26-9-2021
Revised date : 27-9-2021
Accepted date : 15-11-2021
Published date : 31-12-2021

To cite this document:

Abdul Hamid, S. (2021). Keinginan Pencapaian Dan Pembangunan Keusahawanan: Perspektif Islam. *International Journal of Modern Trends in Business Research (IJMTBR)*, 4 (18), 1 - 7.

Abstrak: Keinginan pencapaian adalah salah satu komponen penting motivasi bukan sahaja dalam disiplin ilmu psikologi, malah dalam pelbagai bidang seperti ekonomi, pengurusan dan akademik. Manusia memiliki personaliti, pemikiran, keinginan atau kemampuan yang pelbagai serta berbeza antara satu sama lain. Kepelbagaian tersebut turut dipengaruhi oleh pandangan semesta (worldview) sesuatu agama atau budaya yang dianuti ketika mereka melihat, mendekati dan berinteraksi dengan segala sesuatu dalam kehidupan seharian. Seterusnya, ia menjadi nilai dan falsafah hidup seseorang bagi membentuk dengan sikap dan cara pekerjaannya. Justeru, meskipun setiap sistem ekonomi sama ada Islam, sekular, sosialis dan kapitalis cenderung untuk membangunkan perkara yang sama iaitu jiwa manusia, namun konsep pembangunannya adalah berbeza antara satu sama lain kesan daripada perbezaan ontologi tentang kejiwaan manusia, pertentangan epistemologi ilmu dan kepelbagaian metodologi pembangunan kerohanian manusia. Artikel ini cuba mengorganisasi semula persoalan teoretikal motivasi keinginan pencapaian supaya sekurang-kurangnya satu hari nanti umat Islam berkeupayaan membentuk bukan sahaja kerangka pemikiran bahkan gagasan ilmu motivasi itu sendiri berdasarkan perspektif Islam.

Kata Kunci: Keinginan Pencapaian, Keusahawanan, Worldview Islam

Abstract: Need for achievement is one of the important components of motivation not only in the discipline of psychology, but also in various fields such as economics, management and academic. Humans have a personality, thought, need or ability of various and different from each other. Such diversity is also influenced by the worldview of a religion or culture as they see, approach and interact with everything in daily life. Next, it becomes the values and philosophy of a person's life to shape with his attitude and way of working. Thus, although every economic system, whether Islamic, secular, socialist and capitalist tend to develop the same thing, namely, the human soul, but the concept of development is different from each other due to a difference ontology of the human psyche, epistemological and diversity methodology spiritual development human. This article attempts to reorganize the theoretical question of the motivation of need for achievement so that at least one day Muslims will be able to form not only the framework of thought but also the idea of motivation itself based on the Islamic perspective

Keywords: Need For Achievement, Entrepreneurship, Islamic Worldview.

Pengenalan

Keinginan untuk memiliki adalah hasil pembelajaran manusia daripada proses sosialisasi. Manusia belajar memiliki harta untuk menyelamatkannya daripada kemiskinan, mendapatkan pengaruh, pangkat dan kekuatan dalam masyarakat melalui budaya masyarakat sekeliling serta pengalaman-pengalaman peribadi mereka. Justeru, keinginan pencapaian memainkan peranan penting dalam pembentukan sesuatu tingkah laku personaliti individu atau masyarakat. Tanpa keinginan pencapaian atau pemilikan motivasi yang sewajarnya, tiada sistem ekonomi yang mampu untuk merealisasikan sama ada dari segi kecekapan penggunaan sumber ataupun kesaksamaan pengagihan. Walau bagaimanapun, elemen motivasi ini bukanlah bersifat dominan dalam mempengaruhi kejayaan, sebaliknya ia lebih berupa penghargaan sendiri kepada seseorang usahawan.

Latarbelakang Permasalahan

Konsep keinginan pencapaian sering dibincangkan dalam bidang sains sosial terutamanya dalam disiplin psikologi dan keusahawanan kerana elemen motivasi ini diandaikan mempunyai sumbangan terhadap kejayaan seseorang usahawan. Kajian secara spesifik kebanyakannya dipolopori oleh para sarjana Barat seperti Heckhausen (1967), McClelland (1961), McClelland dan Winter (1969), Atkinson (1983), Shaffer (1994) dan Lambing (2003) yang merumuskan bahawa konsep keinginan pencapaian (*n Ach*) merupakan motivasi dalaman yang terdapat dalam setiap diri manusia. Individu yang mempunyai keinginan pencapaian tinggi (*high n Ach*) dijangka akan lebih berjaya daripada individu lain.

Dalam pada itu, kajian yang mengaitkan aktiviti keusahawanan atau pembangunan ekonomi dengan agama umumnya turut dipelopori oleh sarjana bukan Islam sama ada di Timur atau Barat. Antaranya, Weber (1930) mengandaikan bahawa peningkatan semangat keusahawanan dan pembangunan kapitalisme Barat adalah berpunca daripada etika Protestan manakala McClelland (1961) membentuk konsep keinginan pencapaian serta pembangunan keusahawanan berdasarkan gagasan etika kerja Protestan Max Weber dan dapatan kajian keinginan pencapaian Winterbottom (1953). Dalam konteks empirikal pula, kajian Rokeach (1973) dan Sagie (1993) mendapati usahawan yang berpegang dan menghayati nilai-nilai agama bersikap lebih jujur, beramanah serta bertanggungjawab dalam aktiviti perniagaan dan pekerjaan mereka berbanding mereka yang kurang menghayati nilai-nilai tersebut di dalam kehidupan seharian mereka. Bellah (1957), Shichihei (1992) dan Morishima (1994) menyatakan bahawa ajaran Buddhisme, Shintoisme dan Konfusianisme telah membentuk etika Zen Buddhisme yang mempengaruhi pembentukan budaya dan pembangunan ekonomi Jepun. Vogel (1991) menjelaskan, budaya Konfusianisme juga dikatakan tunjang kepada kepesatan industri di Jepun, Taiwan, Korea Selatan, Hong Kong dan Singapura. Andaian tersebut selari dengan Davis (1992) yang menyatakan hubungan masyarakat dan agama dalam proses pembangunan di Jepun dan negara Asia Timur lain.

Dalam hal ini, hipotesis kajian yang dilakukan sudah tentu lebih cenderung mengutarakan beberapa kebaikan khusus tradisi intelektual masing-masing dengan membezakan agama dan peradaban mereka berbanding manusia lain secara keseluruhannya. Justeru, perbezaan hasil kajian dari segi terminologi, teori-teori, model dan konsep dianggap sebagai suatu hal yang munasabah berdasarkan perbezaan, pegangan agama, budaya dan latarbelakang ilmu yang mereka miliki.

Huraian para sarjana tersebut telah mengabaikan konsep kesepaduan antara material dan spiritual. Keinginan dan kesedaran manusia untuk berdamping lebih rapat dengan agama tidak disentuh dengan baik serta teliti. Pengabaian terhadap elemen kerohanian menyebabkan

perbincangan terhadap keperluan manusia akan berterusan tanpa kesudahan lantaran budaya hawa nafsu (*the sensate culture*) telah menguasai kehidupan manusia. Misalnya, McClelland (1961) dan Beck (1990) mengandaikan, individu yang berkeinginan pencapaian tinggi adalah lebih bebas dan kurang mengambil berat terhadap perasaan orang lain. Selain itu, individu yang memiliki personaliti keinginan pencapaian tinggi juga diandaikan tidak akan berasa gembira kecuali setelah mendapat kejayaan peribadi secara berterusan. Justeru, berasaskan pertimbangan psikologi, lebih banyak manusia mencapai sesuatu, lebih banyak lagi dia mahu mencapainya. Kewujudan pertimbangan hanya berasaskan kepada pola kehidupan moden yang materialistik dan hedonistik menyebabkan gagasan yang dikemukakan oleh sarjana psikologi tersebut telah mengalami proses keterasingan dengan melupakan sebahagian besar elemen penting kehidupan manusia seperti kepercayaan dan amalan dalam kehidupan beragama.

Dalam hal ini, Syed Naquib al-Attas (2001) menjelaskan kebudayaan Barat adalah berteraskan kepada dasar falsafah dan bukan berasaskan agama. Pengasasan sesuatu teori hanya dilakukan tanpa keyakinan dan pengalaman beragama, sebaliknya berasaskan akal-nazari yang berlandaskan dugaan dan sangkaan-sangkaan dan penerokaan akal-jasmani yang mungkin benar atau tidak benar. Lanjutan itu, ia tidak dapat membawa kepada keyakinan. Begitu juga dengan rumusan Rahimin Affandi Abd. Rahim *et al.* (2010) berdasarkan analisis secara terperinci oleh Wan Mohd Nor Wan Daud (2001), Muhammad Abu Bakar (1991) dan Zaid Ahmad (2001) bahawa kerangka epistemologi konsep pembangunan Barat yang bersifat anti agama telah gagal untuk membawa kebahagiaan yang seimbang dalam kalangan negara Islam yang telah mempraktikkannya, termasuk Malaysia. Amir Hussin Baharuddin (2002) menjelaskan, berbeza dengan sains fizikal dan tulen seperti matematik, bidang sains sosial dan kemanusiaan yang melibatkan gelagat dan institusi manusia memang tiada unsur keselarasan dan keserasian secara langsung walaupun memang terdapat sesetengah konsep dan teori sains sosial yang universal. Namun, apabila manusia itu mengambil kira soal agama, budaya, dan kuasa, cerita rasionalnya sudah berubah.

Kertas kerja ini akan membincangkan persoalan kehidupan beragama dan keinginan pencapaian sebagai mekanisme pembangunan keusahawanan berdasarkan perspektif Islam. Manakala huraian hanya akan memfokuskan kepada persoalan teoretikal sahaja berdasarkan dalil-dalil daripada al-Quran dan Hadith serta pandangan daripada para sarjana Islam.

Perbincangan

Terdapat juga kalangan sarjana Islam yang menyentuh elemen motivasi ini secara umum. Antaranya, Badwi Mahmud al-Shaykh (2000) yang menyatakan motivasi adalah fitrah yang telah ditetapkan oleh Allah S.W.T ke atas manusia manakala Muhammad 'Uthman Najati (2001) menjelaskan al-Quran telah menetapkan perintah dan hukuman terhadap keinginan yang bersesuaian dengan fitrah manusia. Muhammad bin Ibrahim al-Khatib (2006) pula berpandangan unsur takwa dan keimanan boleh menjadi motivasi secara semulajadi kepada umat Islam. Dalam perspektif ekonomi, Rafiq Yunus al-Misri (2005) telah mencela pengangguran dan membincangkan konsep tawakkal yang sebenarnya dalam Islam dalam usaha membentuk motivasi kerja dalam kalangan umat Islam.

Perbincangan secara khusus telah dilakukan oleh kalangan sarjana Islam seperti AbulHasan M. Sadeq (1990 dan 2006) yang berhujah bahawa Islam telah menawarkan tahap keinginan pencapaian yang jauh lebih tinggi daripada apa yang disarankan oleh McClelland (1963). Manakala 'Abd al-Latif Muhammad Khalifah (2000) menyatakan keinginan pencapaian adalah salah satu komponen penting motivasi yang meletakkan usaha individu sebagai asas kepada pencapaian dan ia diperkukuhkan melalui perantaraan apa yang diinginkannya dalam semua

bidang. Beliau turut mempersetujui hipotesis McClelland (1961) bahawa individu yang mempunyai keinginan pencapaian tinggi diandaikan akan lebih cenderung untuk menjadi usahawan berbanding bidang lain. Bagaimanapun penulisannya lebih cenderung kepada rujukan daripada sarjana Barat. Berdasarkan kajian dokumentari secara kritis, Mostafa Kamal Mokhtar (2003) mengatakan, walaupun tasawuf dan psikologi moden cuba membangunkan perkara yang sama iaitu kejiwaan manusia, tetapi konsep pembangunan rohani kedua-duanya amat berbeza antara satu sama lain.

Kehidupan Beragama dan Keinginan Pencapaian Dalam Islam

Berdasarkan perspektif Islam, elemen utama kejadian manusia ialah *al-jism* dan *al-nafs*. Manakala keperluan asas manusia adalah berlandaskan kepada asal kejadiannya yang meliputi *al-nafs*, *al-'aql*, *al-qalb*, *al-ruh* dan *al-fitrah*. Masing-masing mempunyai daya (*quwwah*) tersendiri kecuali *al-jism* yang hanya memiliki daya menterjemahkan atau menzahirkan perintah *al-nafs*. Baharuddin (2004) menjelaskan, dimensi-dimensi jiwa manusia juga memiliki sifat-sifat dan keperluan-keperluan dasar. *Al-jism* bersifat keragaan atau kebendaan yang memerlukan biologi, *al-nafs* bersifat kehidupan kerana dengan nafsu manusia mempertahankan dan melanjutkan kehidupannya, memerlukan ketenteraman dan keamanan, *al-'aql* bersifat pemikiran dan rasional memerlukan penghargaan sendiri, *al-qalb* bersifat supra-rasional, perasaan dan emosional yang memerlukan cinta dan kasih sayang, *al-ruh* bersifat spiritual yang memerlukan dasar kewujudan diri atau aktualisasi diri (manusia sebagai khalifah) dan *al-fitrah* bersifat suci dan memerlukan dasar kepada agama atau kehidupan *religiousiti*. Oleh itu, secara fitrahnya, keperluan manusia bersifat *jismiyyah*, *nafsiyyah* dan *ruhaniyyah* (*religiousiti*).

Manakala dari sudut pandangan teologi Islam, tabiat manusia pula adalah ditentukan oleh sikapnya (*al-Ra'd* (13):11). Manusia akan memperoleh berdasarkan apa yang diusahakan oleh mereka. Manusia juga tidak pernah dituntut beramal tanpa tujuan, tetapi mereka perlu bertanggungjawab ke atas setiap tingkah laku yang lahir daripada keinginan-keinginan tersebut. Dalam memanifestasikan pelbagai keinginan tersebut, al-Quran telah mengulangi lafaz *al-ajr* (balasan) lebih daripada 100 kali selari dengan kekuatan, amanah, ihsan, takwa, pemurah, kasih sayang kepada kerabat, gandaan ganjaran dan tanpa rasa takut kepada sesama makhluk (Badwi Mahmud al-Syeikh, 2000). Dalam erti kata lain, untuk mencapai atau memperoleh sesuatu yang diinginkan, manusia perlu berusaha dan bekerja kerana ia adalah sebagai 'fitrah' bagi memenuhi keinginan (*al-Hud* (11): 61). Keinginan lebih merupakan satu harapan, kemahuan atau dorongan untuk mencapai sesuatu; ataupun untuk membebaskan diri dari sesuatu perangsang yang tidak menyenangkan. Manakala usaha adalah penyelesaian sesuatu tugas untuk mencapai keinginan tersebut (Abd Mujib, 2001).

Justeru, seseorang Muslim tidak ada pilihan lain kerana Allah S.W.T sendiri telah menetapkan bahawa manusia seharusnya mempunyai keinginan pencapaian. Memandangkan ia adalah sebahagian daripada tuntutan agama, sepatutnya keinginan pencapaian yang tinggi dan berkualiti terdapat secara semula jadi dalam diri orang Islam. Selain itu, perspektif Islam juga telah meletakkan beberapa prinsip asas bagi mengawal keinginan pencapaian dalam tingkah laku umatnya seperti ia perlu diuruskan, diarah dan dipenuhi dalam batas-batas yang diperkenankan Syariat, tanpa berlebih-lebihan (*al-Ma'idah* (5):87-88) atau melanggar batas-batas tersebut demi kebaikan individu dan masyarakat dan alam. Sikap pertengahan (*wasatiyyah*) dalam memenuhi keinginan-keinginan tersebut adalah sebaik-baiknya kerana ia akan memelihara manusia daripada sebarang penyimpangan (Muhammad 'Uthman Najati, 2001). Oleh itu, piawaian keinginan pencapaian tinggi dalam budaya kerja berteraskan Islam mestilah seharusnya memenuhi syarat seperti berkelayakan, berkemampuan (*al-Qasas* 26), amanah, tekun (*itqan*) dan menunaikan janji sepertimana yang diperintahkan dalam al-Qur'an

(*al-Isra* '(17):7). Islam lebih menekankan konsep bekerja untuk mendapatkan rezeki yang baik (*al-Baqarah* (2):172) dan *al-Ma'idah* (5):4), prinsip bekerja dengan bersungguh-sungguh dan bersusah payah untuk mendapatkan hasil. Adalah mustahil manusia berikhtiar bersungguh-sungguh tanpa sebarang motivasi dan motif kerana ia telah melanggar fitrah yang telah ditetapkan oleh Allah S.W.T (*al-Najm* (53): 9-41) kepada manusia.

Kehidupan Beragama dan Pembangunan Keusahawanan

Syed Muhammad Naquib al-Attas (1993) menjelaskan, konsep *al-Din* dalam perspektif Islam sendiri adalah gambaran idea sebuah kerajaan dan suatu kosmopolitan yang menjadikan perniagaan serta perdagangan sebagai kegiatan utama mereka. Dalam gambaran aktiviti yang mempunyai pelbagai risiko ini, manusia adalah selaku subjek dan objek yang mempengaruhi modalnya sendiri. Manakala kerugian atau keuntungan adalah bergantung kepada tanggungjawab dan pelaksanaan kebebasan yang diberikan. Islam telah menyediakan semua faktor yang diperlukan untuk pembangunan ekonomi dan amat menggalakkannya terutama dalam bidang industri, perdagangan dan perniagaan (Abu 'Ubayd al-Qasim bin Salam, 1975).

Secara bandingannya, jika McClelland (1963) mengandaikan keinginan pencapaian tinggi mampu mengaktifkan aktiviti keusahawanan dan pembangunan ekonomi, secara prinsipnya Islam telah menawarkan tahap keinginan pencapaian yang jauh lebih tinggi daripada itu. Dalam hal ini, sekiranya motif keuntungan merupakan daya pendorong dalam keusahawanan, Islam telah menawarkan motif keuntungan yang lebih daripada mencukupi sebagaimana sabda Rasulullah s.a.w di dalam Hadith yang bermaksud "*sembilan per sepuluh daripada mata pencarian terdapat dalam perniagaan*". Manakala jika motif pencapaian merupakan faktor dominan yang merangsang pembangunan usahawan, Islam juga telah menyediakan dorongan tertinggi bagi pencapaian. Agama bukanlah halangan kepada pembangunan ekonomi, sebaliknya menyokong ke arah itu dengan menawarkan insentif khas kepada keinginan pencapaian. Firman Allah S.W.T yang bermaksud:

"Dan bagi tiap-tiap umat ada arah (kiblat) yang masing-masing menujunya, oleh itu berlumba-lumbalah kamu mengerjakan kebaikan"

(*al-Baqarah* (2):148)

Malahan, seruan ke arah kebaikan tersebut tidak hanya terbatas kepada alam akhirat sahaja, malah merangkumi kedua-duanya (Lihat juga *al-Baqarah* (2):201, *al-Qasas* (28):77 dan *al-Najm* (53):39). Abul Hasan M. Sadeq (1990 dan 2006) menjelaskan, walaupun perintah tersebut adalah berbentuk umum, tetapi ia merangkumi elemen kebendaan, keuntungan ekonomi dan kesejahteraan untuk kedua-dua tempat tersebut. Seruan tersebut juga diiringi dengan dasar Islam yang menawarkan skim pembiayaan pembangunan yang melindungi usahawan daripada beban kerugian melalui sistem kewangan Islam untuk memudahkan potensi sumber manusia dalam pertumbuhan keusahawanan. Dalam erti kata lain, Islam menawarkan kedua-dua motif iaitu keuntungan dan motivasi pencapaian untuk pembangunan keusahawanan.

Justeru, kesyumulan ajaran Islam menjadikannya lebih sesuai untuk diaplikasikan dengan merentasi suasana, masa atau tempat. Kemungkinan mewujudkan tabiat manusia yang besesuaian dengan keperluan-keperluan pembangunan ekonomi berdasarkan perspektif Islam adalah lebih besar berbanding dengan perspektif Barat atau Jepun. Ini kerana, Islam mengiktiraf keperluan hidup yang bersifat metafizikal dan fizikal, mengutamakan kepentingan umum melebihi kepentingan peribadi, boleh membawa keselamatan dan ketenangan kepada individu serta keutuhan negara.

Rumusan

Keinginan manusia untuk mencari keredaan Allah S.W.T bukan sebagai alasan yang menghalang mereka untuk mencari keuntungan duniawi dan mewujudkan persaingan. Begitu juga, pengejaran kepentingan diri tidak semestinya sesuatu yang buruk, malah ia juga merupakan satu keperluan kepada manusia. Bagaimanapun, elemen ini akan bertukar menjadi suatu ancaman sosial apabila keutamaannya telah melampaui batas atau had-had tertentu. Kepentingan diri dengan skop yang terbatas kepada dunia semata-mata sudah pasti akan menyuburkan sifat tamak, boros dan mengabaikan kepentingan orang lain. Keperluan manusia berusaha bukan sekadar untuk kepentingan diri, tetapi juga sebahagian daripada *taklif* untuk *infaq* iaitu membelanjakan harta yang dimiliki ke jalan Allah S.W.T. termasuk untuk masyarakat yang miskin dan memerlukan kerana harta yang dimiliki adalah amanah. Penyimpangan keinginan akan berlaku dalam jiwa manusia apabila kecintaan yang bersangatan terhadap harta. Tindakan berlebih-lebihan dalam memenuhi pelbagai keinginan dan ketidakmampuan manusia untuk mengendalikan dan mengusainya akan menimbulkan konflik keinginan ini dengan tugas manusia sebagai hamba dan khalifah Allah S.W.T. Namun, manusia mungkin tidak memperolehi semua hasil daripada apa yang dikerjakan di dunia ini walaupun dalam beberapa keadaan ia biasa diperolehi kerana kehidupan dunia bukan sebagai tempat untuk mencapai segalanya.

Rujukan

- Abd. Rahim, R. A. (2010). Islam dan Perubahan di Malaysia: Analisa Terhadap Pemikiran Konsep Fiqh Malaysia, (Prosiding Persidangan Antarabangsa Islam Dalam Masyarakat Malaysia di Universiti Malaya, 5-6 Oktober), h. 209.
- Abdul Rahman, W. R. (1993). Psikologi Dalam Konteks Satu Pendekatan, *Syarahana Perdana Jawatan Professor Universiti Kebangsaan Malaysia*, 10 April, Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Ahmad, Z. (2001). Epistemologi dan Dimensi Kemanusiaan Dalam Kajian Bandar: Satu Analisis Menurut Perspektif Islam, *Jurnal Pendidikan Islam*, j. 9, bil. 3, h. 33-40.
- al-Attas, S. M. N. (2001). *Risalah Untuk Kaum Muslimin*, Kuala Lumpur: Institut Antarabangsa Pemikiran dan Tamadun Islam.
- al-Attas, S. M. N. (2001). *The Meaning and Experience of Happiness in Islam*, Kuala Lumpur: International Institute of Islamic Thought and Civilization (ISTAC).
- Baharuddin, A. H. (2002). Sains Ekonomi Dalam Realiti Malaysia Suatu Penilaian Kritis, Siri Syarahan Umum, *Syarahana Umum Perlantikan Profesor*. Pulau Pinang: Penerbit Universiti Sains Malaysia.
- Baharuddin. (2004). *Paradigma Psikologi Islami, Studi Tentang Elemen Psikologi Dalam al-Quran*. Yogyakarta: Pustaka Pelajar.
- Beck, R. C. (1990). *Motivation: Theories and Principles*. Englewood Cliffs, N.J.: Prentice Hall, Inc.
- Bellah, R. N. (1957). *Tokugawa Religion, The Values of Pre-Industrial Japan*. Illinois: The Free Press.
- Davis, W. (1992). *Japanese Religion and Society, Paradigms of Structure and Change*, Albany: State University of New York Press.
- Heckhausen, H. (1967). *The Anatomy of Achievement Motivation*, New York: Academic Press Inc.
- Khalifah, A. L. M. (2000). *al-Dafi'iyah al-Injaz*. Kaherah: Dar Gharib.
- al Khatib, M. I. (2006). *al-Nizam al-Iqtisadi fi al-Islam*, Jordan: al-Maktabah al-Wataniyyah.
- Lambing, P. A. dan Kuehl, C. R. (2003). *Entrepreneurship*. New Jersey: Prentice Hall.
- Mahmud B. S. (2000). *al-Judah al-Shamilah fi al-'Amal al-Islami*, c. 1. Kaherah: Dar al-Fikr.

- Maehr, M. L. dan Sjogren, D. D. (1971). Atkinson's Theory of Achievement Motivation: First Step Toward a Theory of Academic Motivation?, *Review of Educational Research*, 41:143-161.
- Maehr, M. L. (1974). Culture and Achievement Motivation, *American Psychologist*, j. 29: 887-89.
- McClelland, D. C. (1961). *The Achieving Society*, London: The Free Press.
- McClelland, D. C. dan Winter D. G. (1969). *Motivating Economic Achievement*. New York: The Free Press.
- McClelland, D. C. (1971). The Achievement Motive in Economic Growth, dalam Peter Kilby (eds.) *Entrepreneurship and Economic Development*, New York: The Free Press.
- Morishima, M. (1994), *Why Has Japan Succeeded? Western Technology and the Japanese Ethos*, c. 8, Australia: Cambridge University Press.
- Mokhtar. M. K. (2003). Pembangunan Rohani Menurut Perspektif Tasawuf dan Psikologi Modern, *Islamiyyat*, bil. 24, h. 21.
- Mujib, A. (2001). *Nuansa-Nuansa Psikologi Islam*. Jakarta: PT RajaGrafindo Persada.
- Najati, M. U. (2001). *Al-Qur'an wa 'ilm al-Nafs*, c.7. Kaherah: Dar al-Shuruq.
- Rokeach. (1973). *The Nature of Human Values*, Glenco: Free Press.
- Salam, A. U. Q. (1975). *Kitab al-Amwal*, Mesir: Dar al-Fikr.
- Sadeq. A. H. M. (1990). Entrepreneurship, Achievement Motivation and Economic Development, *Light on Islamic Economics*, November, vol. 2. Issue 1, h. 42.
- Sadeq, A. H. M. (2006). Economic Growth in An Islamic Economy, dalam AbulHasan M Sadeq (eds.), *Development issues in Islam*, Kuala Lumpur: International Islamic University Malaysia.
- Sagie, A. (1993). Measurement of Religiosity and Work Obligations Among Israeli Youth, *The Journal of Social Psychology*, j. 133 (4), h. 529-538.
- Shichihei, Y. (1992). *The Spirit of Japanese Capitalism*, Lanham Md: Madison Books.
- Vogel, E. F. (1991). *The Four Little Dragons: The Spread of Industrialization in East Asia*, London: Harvard University Press.
- Wan Daud, W. M. N. (2001). *Pembangunan di Malaysia: Ke Arah Satu Kefahaman Baru Yang Lebih Sempurna*, Kuala Lumpur: ISTAC.
- Yunus, R. (2005). *Usul al-Iqtisad al-Islami*, c. 4. Damsyik: Dar al-Qalam.